

10 MAR 2000

DAIM YAKIN DGN PROSPEK EKONOMI INDONESIA

JAKARTA, 10 Mac (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin yakin terhadap prospek ekonomi Indonesia.

Beliau berkata usahawan Malaysia akan memperolehi lebih banyak peluang dalam tempoh selepas krisis di Indonesia tetapi mereka mestilah serius untuk menjalankan perniagaan.

"Ahli perniagaan Malaysia mestilah benar-benar serius untuk menjalankan perniagaan," katanya kepada wartawan Malaysia sebelum pulang ke Kuala Lumpur, hari ini.

Daim berada di sini bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Syed Albar dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menyertai rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan selama dua hari ke Indonesia.

Beliau menambah bahawa suasana politik dan pelaburan di Indonesia semakin bertambah baik berbanding setahun lalu.

Pentadbiran negara di bawah Presiden Abdurrahman Wahid berusaha keras untuk menarik pelaburan asing bagi membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

-- BERNAMA

SJ ZK